



16 Ogos 2019

KENYATAAN MEDIA
Untuk Siaran Segera

**PUSPAKOM DEKATI PELANGGAN
MELALUI PROGRAM “PUSPAKOM SEDIA BANTU!”**

Shah Alam, 16 Ogos – “Elak guna orang tengah, teruslah berurusan dengan pegawai PUSPAKOM!” Orang awam kini boleh mendapatkan maklumat secara terus tentang hal-hal pemeriksaan kenderaan dari sumber yang sah di program hari bersama pelanggan yang bertemakan “PUSPAKOM Sedia Bantu!” di cawangan PUSPAKOM terpilih di seluruh negara bermula 19 Ogos 2019 sehingga 2 Oktober 2019 dari pukul 9.00 pagi hingga 4 petang.

PUSPAKOM mengalu-alukan segala pertanyaan berhubung hal-hal mengenai pemeriksaan kenderaan di dalam program yang akan dibantu oleh pegawai-pegawai PUSPAKOM. Melalui program ini, PUSPAKOM dapat mendekati dan membantu pelanggan kami di samping mengelakkan kejadian pelanggan PUSPAKOM diperdaya oleh orang tengah yang tidak bertanggungjawab dengan memberi maklumat yang salah tentang pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM terutama dari segi proses, syarat-syarat dan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM.

“Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada pelanggan berhubung perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang ditawarkan oleh PUSPAKOM supaya mereka boleh berurusan terus dengan PUSPAKOM dan bukan melalui orang tengah. Sering kali, PUSPAKOM menerima maklumbalas di mana pelanggan suka menggunakan orang tengah kerana mereka tidak faham tentang hal pemeriksaan kenderaan. Ini merupakan platform penting bagi PUSPAKOM menyalurkan maklumat yang sebenarnya,” kata Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM, Shukor Ismail.

Beliau menambah, “Kami berharap pelanggan dapat memahami proses dan maklumat pemeriksaan sebenar yang ditawarkan oleh PUSPAKOM sebelum mereka memilih untuk menggunakan khidmat orang tengah. Ini kerana ada pelanggan yang menggunakan khidmat orang tengah telah dikenakan caj perkhidmatan yang tinggi malah ditipu dengan janji seperti “pasti lulus” yang telah ditabur kepada mereka. Bayaran pemeriksaan PUSPAKOM adalah hanya di antara RM20 hingga RM90 sahaja bergantung kepada jenis pemeriksaan dan

kenderaan. Ini secara tidak langsung dapat membantu pelanggan dalam menjimatkan kos serta menjawab segala persoalan dan kekeliruan di kalangan mereka.”

Selain khidmat nasihat yang diberikan, pegawai-pegawai PUSPAKOM juga boleh membantu para pelanggan dalam menguruskan proses pendaftaran dan penggunaan temujanji dalam talian MyPUSPAKOM serta perkhidmatan e-wallet yang diperkenalkan baru-baru ini. Sepanjang program ini berlangsung, pelbagai aktiviti menarik akan dijalankan antaranya adalah:

- Pendaftaran MyPUSPAKOM dengan pengesahan serta-merta (sila bawa bersama borang pendaftaran perniagaan SSM dan surat wakil)
- Khidmat nasihat bagi memahami proses dan standard pemeriksaan dan syarat-syarat lulus sesebuah kenderaan
- Memperbaharui cukai jalan, lesen memandu, semak saman kenderaan oleh perkhidmatan bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Pameran kenderaan komersial, penjagaan kenderaan dan keselamatan
- Buku Panduan Pemeriksaan percuma
- Permainan *Wheel of Fortune* dan *Mix & Match* dengan hadiah menarik

Untuk maklumat lanjut berhubung program ini, orang ramai boleh menghubungi talian bebas tol PUSPAKOM 1-800-88-6927 atau mesej peribadi di Facebook rasmi Puspakom Sdn Bhd atau *Live Chat* melalui laman sesawang PUSPAKOM www.puspakom.com.my.

###

JABATAN KOMUNIKASI DAN KHIDMAT PELANGGAN

PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Tel: 03-2052 7465 / 7322

E-mel: communications@puspakom.com.my

Poster program hari bersama pelanggan yang bertemakan “PUSPAKOM Sedia Bantu!”

LOKASI	TARIKH
PUSPAKOM Shah Alam	19 Ogos 2019 (Isnin)
PUSPAKOM Batu Caves	20 Ogos 2019 (Selasa)
PUSPAKOM Sungai Petani	3 September 2019 (Selasa)
PUSPAKOM Taiping	4 September 2019 (Rabu)
PUSPAKOM Senai	17 September 2019 (Selasa)
PUSPAKOM Kluang	18 September 2019 (Rabu)
PUSPAKOM Kota Bharu	30 September 2019 (Isnin)
PUSPAKOM Sandakan	1 Oktober 2019 (Selasa)
PUSPAKOM Miri	2 Oktober 2019 (Rabu)

PUSPAKOM Sedia Bantu!
#welistenwecare
HARI BERSAMA PELANGGAN
9 pagi - 4 petang

AKTIVITI

- Perkhidmatan Van Bergerak JPJ
- Permainan dan hadiah menarik
- Memperbaharui insurans motor
- Pendaftaran MyPUSPAKOM
- Maklumbalas dialu-alukan
- Khidmat nasihat pemeriksaan kenderaan

PERCUMA LINTAS BERSEKUTUAN BERKUALITI

1-800-88-6927